

1 WORLD GRAND CULTURAL VISIT To Ho Chi Minh Vietnam 2011

1st World Grand Cultural Visit To Ho Chi Minh Vietnam 2011



DELEGASI USIM yang mengunjungi Ho Chi Minh City.

Memperkenalkan **GAGASAN 1MALAYSIA** di Ho Chi Minh

Delegasi USIM tonjol kemahiran insaniah mahasiswa

Oleh Ismail Ahmed
bhvarsiti@bharian.com.my

KEKAYAAN serta keunikan kesenian dan kebudayaan negara cukup berharga jika ia mampu ditonjolkan kepada masyarakat antarabangsa sebagai bukti jati diri rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Peranan itu bukan hanya terletak pada bahu kerajaan, sebaliknya mahasiswa juga dituntut untuk sama-sama menggerakkan usaha mempromosikan program kebudayaan, bukan saja kepada masyarakat tempatan, malah antarabangsa khususnya di rantau ASEAN.

Matlamat itu menjadi teras pengisian Lawatan Kecemerlangan Seni Budaya 1Dunia yang direalisasikan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerusi pelaksanaan Program Global Islamic Student Outreach (Giso), universiti berkenaan.

Misinya cukup jelas iaitu memperkenalkan Gagasan 1Malaysia ke rantau ASEAN dan buat julung kalinya, bandar Ho Chi Minh, Vietnam menjadi lokasi kunjungan

lawatan kali ini selepas Indonesia, UAE, Australia, Filipina Kemboja, Beijing dan Korea.

Dianjurkan Urus Setia Kesenian Pelajar USIM, lawatan kali ini membawa mahasiswa menjelajah ke beberapa lokasi terpilih termasuk Ho Chi Minh University of Technology dan Ho Chi Minh School of Traditional Dance menerusi kerjasama dengan Persatuan Muslim Vietnam dan Konsulat Malaysia di bandar Ho Chi Minh.

Bertemakan Meningkatkan Perpaduan ASEAN Melalui

Seni Budaya, lawatan bertujuan mencambah idealisme mahasiswa ke arah pemikiran unggul dan berkesan bagi membentuk rangkaian kerjasama erat antara mahasiswa USIM dengan warga universiti ASEAN.

Delegasi USIM yang diketuai penulis bersama 20 mahasiswa daripada pelbagai fakulti mengharapkan pengisian lawatan mampu meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa dengan mengimbangi pencapaian akademik dan kokurikulum

berasaskan sasaran universiti di bawah Projek Kecemerlangan Mahasiswa (Pendedahan Luar Negara) dan penganjuran program antarabangsa.

Keunikan budaya Malaysia yang merangkumi pelbagai rencah seni yang berbeza diangkat sebagai pengisian utama dalam Lawatan Kecemerlangan Seni Budaya 1 Dunia ke Ho Chi Minh kali ini.

Kunjungan pertama membawa delegasi USIM ke Ho Chi Minh School of Traditional Dance dengan menyertai sesi Bengkel Kesenian Serantau



PERSEMBAHAN kebudayaan mahasiswa USIM ketika kunjungan ke Ho Chi Minh University of Technology.

yang turut disertai 100 pelajar sekolah terbabit.

Lawatan rasmi dan persembahan kebudayaan 1Malaysia bagi memperkenalkan keharmonian seni budaya Malaysia pula menjadi fokus utama kunjungan ke Ho Chi Minh University of Technology.

Program pertukaran budaya antara kedua-dua negara berlangsung dengan penuh meriah dan harmoni dan ucapan penghargaan dizahirkan pengurusan Ho Chi Minh University of Technology melalui emel yang dikirimkan sehari selepas program berlangsung.

Objektif program turut memperlihatkan keprihatinan warga USIM menerusi sesi dialog dan kerja khidmat komuniti di Persatuan Muslim Ho Chi Minh Vietnam dengan menyampaikan sumbangan sebanyak 95 kilogram beras kepada komuniti Islam di Ho Chi Minh.

Delegasi USIM mengakhiri program dengan mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Pendidikan Malaysia Kementerian Pengajian Tinggi

dan Konsulat Malaysia.

Kunjungan kami disifatkan Konsulat Jeneral Malaysia Encik Shazryll Zahiran, sebagai membuktikan kewibawaan mahasiswa Malaysia di arena antarabangsa mampu meninggalkan kesan positif dan berimpak tinggi.

Mengulas mengenai impak program GISO di Vietnam, Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah menzahirkan kesyukuran diatas potensi yang ditonjolkan mahasiswa yang dilihat mampu menjadi pemimpin masa depan yang semberoleh dan menyumbang kepada masyarakat antarabangsa.

Meletakkan kebudayaan sebagai pengisian utama program, beliau turut menyifatkan usaha mahasiswa terbabit membuktikan kepentingan peranan mereka dalam menonjolkan kekayaan dan kebudayaan negara kepada masyarakat antarabangsa.

Penulis ialah Ketua Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, USIM.

